

**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK (LMP)**

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan dari pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

**BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

[Registration No. 198301002944 (98127-X)]

**Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)**

**13 Ogos 2021**

**1. APAKAH PROGRAMINI?**

- Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) adalah program pembiayaan berjangka yang direka untuk menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor pelancongan, melalui usaha untuk mengekalkan keupayaan dan membantu mereka membuat pelaburan yang diperlukan agar perubahan dapat dilakukan dan kekal berdaya saing selepas wabak COVID-19. Pembiayaan ini adalah satu inisiatif daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.0 bilion bagi tujuan ini.
- Melalui program ini, pelanggan akan ditawarkan produk Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i) pada kadar keuntungan tetap.
- Pembiayaan ini ditawarkan kepada PKS Malaysia (sekurang-kurangnya 51% saham dimiliki oleh rakyat Malaysia) dalam sektor pelancongan dan sektor berkaitan pelancongan seperti berikut:
  - i) PKS seperti takrifan SME Corp Malaysia ketika permohonan dibuat:
    - Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956) atau Akta Syarikat 1965 dan/atau Akta Syarikat 2016 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (syarikat sendirian berhad, pemilikan tunggal dan perkongsian); atau
    - Berdaftar dengan pihak berkuasa atau pejabat daerah masing-masing di Sabah dan Sarawak; ATAU
  - ii) Dilesenkan oleh/berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Keseniaan dan Kebudayaan Malaysia (KPKKM);
- Sektor yang layak adalah seperti berikut:
  - i) Sektor Pelancongan Teras:
    - Premis penginapan pelancongan (cth. hotel bajet, inap desa, chalet dan rumah peranginan);
    - Agensi pelancongan dan operator pelancongan; dan
    - Pengangkutan untuk pelancong (cth. Operator bas, bot dan kereta sewa);
  - ii) Sektor Berkaitan Pelancongan:
    - Pelancongan perubatan;
    - Ekosistem MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan, Pameran);
    - Bidang peruncitan yang berkaitan dengan pelancongan, rekreasi dan kesihatan yang dapat membuktikan kebergantungannya kepada sektor pelancongan.
  - iii) Perniagaan perkhidmatan wang
  - iv) Institusi pengembangan kemampuan yang ditubuhkan terutamanya untuk menyediakan kursus / latihan berkaitan pelancongan dan dilesenkan oleh atau berdaftar dengan MOTAC (contoh: Institut Latihan Pelancongan)

Nota:

Penerima "Special Relief Facility (SRF)" dan/atau Pembiayaan PKS PENJANA (PSF) adalah layak untuk PTF.

**2. APAKAH KONSEP SHARIAH YANG DIGUNAKAN?**



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

Pembiayaan ini berlandaskan konsep Tawarruq yang merujuk pada pembelian komoditi dengan harga tertangguh. Komoditi tersebut kemudian dijual kepada satu pihak lain selain daripada penjual asal untuk mendapatkan wang tunai.

**Konsep Tawarruq di jelaskan dengan lebih lanjut seperti dibawah:**

- Pelanggan membeli komoditi daripada Bank berdasarkan kontrak Murabahah pada Harga Jualan Bank. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan. Sebagai Ejen Jualan untuk pelanggan, pihak Bank bertanggungjawab untuk menjual komoditi kepada pembeli komoditi pada harga kos. Hasil daripada urus niaga itu akan diberikan untuk kegunaan pelanggan. Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang perlu dibayar daripada transaksi Murabahah mengikut terma-terma yang dipersetujui.
- 'Komoditi' bermaksud apa-apa komoditi yang diterima oleh Bank contohnya minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang diurusniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak pelanggan, di mana Bank sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Penjualan berurusniaga menggunakan komoditi yang sedia ada dan dibekalkan oleh pembekal komoditi tertakluk kepada polisi-polisi Bank yang terpakai.

**3. APA YANG KAMI PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?**

No.	Ciri-Ciri	Butiran
1.	Had Program	RM50 juta
2.	Produk Pembiayaan	Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)
3.	Jenis Pembiayaan	Pembiayaan Berjangka
4.	Amaun Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ PKS: Hingga RM300,000 bagi setiap PKS</li><li>▪ Perusahaan mikro: Sehingga RM75,000 bagi setiap perusahaan mikro</li></ul> <p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Perkara di atas tertakluk kepada PKS dengan pemegang saham biasa sama dengan atau lebih daripada 20% pegangan saham.</li><li>b) Tertakluk kepada had agregat Kumpulan yang tidak melebihi RM10.0 juta untuk semua skim jaminan SJPP termasuk pembiayaan ini. Kumpulan ditakrifkan sebagai syarikat di bawah kumpulan yang sama melalui pegangan saham (pegangan saham 50% atau lebih), pengarah (yang memberikan jaminan) dan penjamin yang berkaitan.</li></ul>
5.	Tujuan Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Keperluan Modal Kerja (WCR); dan/atau</li><li>▪ Perbelanjaan Modal (CAPEX); dan/atau</li><li>▪ Pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada hingga 50% pembiayaan yang diluluskan di bawah PTF, kecuali pembiayaan di bawah Dana BNM untuk PKS.</li></ul> <p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Kos dokumentasi undang-undang dan yuran agensi dimasukkan ke dalam pembiayaan. Pelanggan mempunyai pilihan untuk membayar dokumentasi undang-undang sendiri.</li><li>b) Pembiayaan ini tidak boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti berikut:</li></ul>



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)**

**BANK ISLAM**

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

		<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pembelian saham;</li> <li>ii) Pembelian tanah/pelaburan harta tanah;</li> <li>iii) Pembangunan harta tanah;</li> <li>iv) Pelaburan oleh syarikat pegangan pelaburan;</li> <li>v) Aktiviti di mana wang adalah stok di dalam perdagangan (termasuk perniagaan kredit, pemajakan, pemfaktoran dan perniagaan insurans) kecuali pengendali pertukaran wang;</li> <li>vi) Perjudian, minuman keras, tembakau atau aktiviti/produk yang serupa; dan</li> <li>vii) Aktiviti yang tidak patuh Shariah (terpakai untuk pembiayaan Islamik sahaja)</li> </ul>
<b>6.</b>	Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 100% ke atas WCR; dan/atau</li> <li>▪ 100% ke atas CAPEX; dan/atau</li> <li>▪ 50% untuk Pembiayaan Semula Pembiayaan Perniagaan sedia ada</li> </ul>
<b>7.</b>	Kadar Keuntungan	Kadar tetap 3.50% setahun (termasuk yuran jaminan)
<b>8.</b>	Tempoh Pembiayaan	Sehingga 7 tahun daripada tarikh pengeluaran termasuk tempoh moratorium selama 6 bulan untuk bayaran pokok dan keuntungan.
<b>9.</b>	Cagaran	Tidak diperlukan
<b>10.</b>	Jaminan Perlindungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ PKS: 80% daripada jumlah pembiayaan akan dijamin oleh SJPP.</li> <li>▪ Perusahaan mikro: Pilihan 90% daripada jumlah pembiayaan akan dijamin oleh SJPP.</li> </ul>
<b>11.</b>	Sekuriti	<p><b>Untuk Sdn Bhd:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jaminan Bersama dan Berasingan (JSG) daripada Pengarah dan pemegang saham yang memiliki sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30) saham dalam syarikat.</li> </ul> <p><b>Untuk Perkongsian:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat Tuntutan Hak Milik / Akuan, yang mana berkenaan</li> </ul>
<b>Contoh pengiraan adalah seperti di bawah:-</b>		
Amaun Pembiayaan : RM 300,000.00	Moratorium : 6 bulan	
Kadar Keuntungan Bank : 3.50%	Bayaran (bermula dari bulan ke 7 hingga bulan ke 84) : RM4,373.12	
Tempoh : 7 tahun	Harga Jualan Bank : RM341,103.20	

Nota: Contoh di atas hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menunjukkan obligasi pembiayaan sebenar.

#### 4. APAKAH TANGGUNGJAWAB KAMI?

- Anda bertanggungjawab untuk membayar ansuran seperti yang diluluskan oleh pihak Bank.

##### Contoh (berdasarkan kepada soalan no. 3)

- Ansuran bulanan anda adalah RM4,373.72.
- Jumlah keseluruhan pembayaran pada akhir tahun ke 7 ialah RM341,103.20



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)**

**BANK ISLAM**

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

- Anda tidak perlu membayar sebarang ansuran sepanjang tempoh enam (6) bulan moratorium (prinsipal dan keuntungan). Walau bagaimanapun, prinsipal dan keuntungan akan dimasukkan dalam ansuran bulanan pada baki tempoh.
- Anda bertanggungjawab untuk membayar ansuran bulanan bermula dari bulan ketujuh sehingga penyelesaian sepenuhnya pembiayaan ini. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk menyelesaikan pembiayaan ini pada bila-bila masa.

**5. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG KAMI PERLU BAYAR?**

- Yuran agensi bagi urusniaga Tawarruq berjumlah RM50.00 (dimasukkan ke dalam amaun pembiayaan).
- Pembatalan kemudahan yang diberikan - Anda dikehendaki untuk membayar semua kos kepada Bank (jika ada) untuk penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti yang telah ditanggung oleh Bank berkenaan dengan kemudahan pembiayaan ini termasuk sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank semasa proses tuntutan jika kemudahan ini dibatalkan.

**6. APAKAH YANG AKAN BERLAKU JIKA KAMI GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KAMI?**

Sekiranya anda gagal untuk memenuhi tanggungjawab anda tepat pada masanya, berikut adalah terpakai :-

- **Apabila berlaku kemungkiran**
  - a) Bank boleh melalui notis bertulis, meminta pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada anda dan/atau penjamin (jika ada).
  - b) Bank berhak untuk mengambil deposit anda atau dari mana-mana akaun anda yang diuruskan oleh pihak Bank untuk menyelesaikan bayaran tertunggak di bawah pembiayaan ini.
  - c) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Bank akan menggunakan haknya ke atas sebarang jaminan yang dijanjikan dengan Bank dan anda akan menanggung semua kos yang terlibat. Anda juga bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kekurangan. Sebarang tindakan undang-undang ke atas anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit yang membawa kepada penilaian kredit masa depan yang lebih sukar atau mahal; dan
  - d) Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.

**Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan Ta'widh (Gantirugi untuk bayaran lewat) ke atas anda seperti berikut: -

**a) Sebelum tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Formula:

Bayaran tertunggak x 1% x Jumlah hari tertunggak / 365

**b) Selepas tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalamhan harian Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam dikira ke atas baki kemudahan iaitu baki Harga Jualan setelah ditolak ibra' (rebate) (jika ada).

Formula:

Baki Harga Jualan (tolak ibra'(rebate)) x Kadar semasa semalamhan harian Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam x Jumlah hari tertunggak / 365

**c) Hutang selepas penghakiman**

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalamhan harian Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Formula:



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

Baki Harga Jualan (tolak ibra'(rebat)) x Kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam x Jumlah hari tertunggak / 365

Nota: Pengenaan Ta'widh adalah mengikut cara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

**7. BAGAIMANA SEKIRANYA KAMI MENYELESAIKAN SEPENUHNYA BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TARikh MATANG?**

- Ibra' (Rebat) akan diberikan ke atas penyelesaian awal atau penebusan awal kemudahan pembiayaan tersebut.

**Formula Ibra' (Rebat):**

**Ibra' (rebat ke atas penyelesaian awal pembiayaan) = Keuntungan Tertangguh.**

Nota:

- Keuntungan Tertangguh = Jumlah Keuntungan Dikontrakkan – Keuntungan Terakru.
- Jumlah Keuntungan Dikontrakkan = Harga Jualan – Harga Belian (atau Jumlah Pembiayaan)
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif ke atas baki Harga Belian (atau Jumlah Pembiayaan) yang telah dibayar(atau digunakan).

- Bank tidak menganakan tempoh terikat untuk pembiayaan ini dan fi tidak dikenakan bagi penyelesaian awal pembiayaan sebelum tarikh matang.

**8. ADAKAH KAMI MEMERLUKAN PENJAMIN ATAU CAGARAN?**

Cagaran tidak diperlukan untuk program ini. Walaubagaimanapun, pihak Bank memerlukan 80% jaminan daripada SJPP dan jaminan lain sebagai sekuriti tambahan seperti yang dinyatakan dalam Soalan 3 (bil. 11 Sekuriti).

**9. APA YANG PERLU KAMI LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT UNTUK MENGHUBungi KAMI?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank dengan kadar segera mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk dihubungi bagi memastikan anda menerima semua surat-menyerat tepat pada masanya.

**10. DI MANAKAH KAMI BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN ATAU PENYELESAIAN?**

- Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk berbincang berkenaan dengan pilihan-pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

**Perbankan PKS**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 16, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur  
Faks: 03-2688 2711  
E-mel: [sme-assist@bankislam.com.my](mailto:sme-assist@bankislam.com.my)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan dan pengurusan wang percuma, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)**

**BANK ISLAM**

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

Tingkat 5 dan 6,  
Menara Bumiputra Commerce  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel.: 603 -2616 7766  
Faks: 603-2616 7601  
Laman web: [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)

- Untuk membuat aduan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

**Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-26 900 900  
Faks: 03-2782 1337  
E-mel: [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

**Block D, Bank Negara Malaysia,**

Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel.: 1-300-88-5465  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**11. DI MANAKAH KAMI BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

- Sebarang maklumat lanjut mengenai program kami, sila rujuk cawangan-cawangan kami atau menghubungi:

**Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam,  
No. 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel.: 03-26 900 900  
E-mel: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA  
ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah setakat 13/8/2021.

**Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan**

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
**Pembelian Pelancongan PENJANA (PTF)**

**BANK ISLAM**

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

.....  
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh:

